



A photograph of three young individuals (two boys and one girl) smiling and posing together. They are positioned in front of a large Malaysian flag. The boy on the left is wearing a yellow shirt and a white headscarf. The boy in the center is wearing a blue denim jacket over a light-colored shirt. The girl on the right is wearing a red t-shirt with a black graphic. The background is slightly blurred, showing more of the flag and some foliage.

# **BAHASA KEBANGSAAN A MPU 22042**

Disediakan Oleh:  
Zainun bt. Salleh  
Wati bt. Mohamad  
Jabatan Pengajian Am

Cetakan Pertama 2022

@Politeknik Kuala Terengganu

Tidak dibenarkan diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh :

Politeknik Kuala Terengganu

20200 Jalan Sultan Ismail

Kuala Terengganu, Terengganu



09-6204100

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zainun Salleh, 1972-

BAHASA KEBANGSAAN A : MPU 22042 / Disediakan Oleh: Zainun bt. Salleh,  
Wati bt. Mohamad.

Mode of Access: Internet I

eISBN 978-967-2240-37-2

1. Malay language--History.
  2. Malay language--Usage.
  3. Language policy--Malaysia.
  4. Government publications--Malaysia.
  5. Electronic books.
- I. Wati Mohamad, 1976-. II. Judul.  
499.2309



## Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah kerana di atas inayahnya dapat disiapkan e-buku Bahasa Kebangsaan A. E-buku ini dihasilkan untuk berkongsi maklumat berkaitan kursus MPU 22042. Bahasa Kebangsaan A menawarkan kemahiran berbahasa dari aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis sesuai dengan tahap intelek pelajar, serta meningkatkan kecekapan berbahasa dalam konteks rasmi dan tidak rasmi. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ustazah wati binti Mohamad selaku editor yang telah bertungkus lumus sehingga terhasilnya e-buku ini. Semoga e-buku ini dapat memudahkan pensyarah dan pelajar dalam memahami Kursus Bahasa Kebangsaan A secara mendalam.



Penulis  
Zainun Salleh




# ISI KANDUNGAN

## ASAL-USUL BAHASA MELAYU

Bil	Perkara	Muka surat
1.	Prakata	i
2.	Isi Kandungan	ii
3.	<b>Pengenalan</b>	1
4.	<b>Asal usul Bahasa Melayu</b>	2
2.1	Salasilah Bahasa Melayu	5
2.2	Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca	7
2.3	Perkembangan Bahasa Melayu	8
a)	Bahasa Melayu Kuno	9
b)	Bahasa Melayu Klasik	18
c)	Bahasa Melayu Moden	23
5.	<b>Penggunaan dan dasar Bahasa Melayu di Malaysia</b>	25
3.1	Fungsi dan kedudukan Bahasa Melayu di Malaysia	
a)	Bahasa Kebangsaan	
b)	Bahasa Rasmi	26
c)	Bahasa Perpaduan	
d)	Bahasa Ilmu	27
3.2	Dasar Bahasa Kebangsaan	28
a)	Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia	
b)	Akta Bahasa Kebangsaan	29
c)	Akta Pendidikan	
6.	<b>Perkembangan Bahasa dan Budaya :</b>	30
4.1	Adat berbahasa	
4.2	Penggunaan bahasa dalam media sosial	31
7.	Latihan Pengukuhan	32
8.	Rujukan	35

## PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan Bahasa keempat terbesar di dunia. Bahasa Melayu dipercayai berasal daripada golongan **Austronesia** di Yunan.



### Melayu Proto

- berpindah ke Asia Tenggara pada Zaman Batu Baharu sekitar 2500 SM.
- Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Kaum Dayak di Sarawak dan Batak di Sumatera

### Melayu Deutro

- berpindah ke Asia Tenggara pada Zaman Logam iaitu pada tahun 1500 SM.
- orang Melayu di Malaysia yang lebih ramai serta mempunyai banyak kemahiran dan lebih bijak berbanding Melayu Proto

Bahasa Melayu juga termasuk dalam golongan Bahasa Sumatera serta Bahasa-Bahasa lain seperti Bahasa Orang Laut, Minangkabau, Nias, Aceh, Batak dan Lampung



### ASAL USUL BAHASA MELAYU

Para sarjana telah melakukan banyak kajian tentang Bahasa Melayu tetapi masih belum dapat menjelaskan kekaburuan tentang asal usul Bahasa ini. Ini kerana para sarjana masih belum menemui bukti-bukti konkret tentang istilah "Melayu"



Pada awalnya istilah Melayu hanya dikaitkan dengan konsep kerajaan .Istilah Melayu muncul dalam pelbagai sebutan, antaranya ialah:

*maleu-colon*

*Malaya dvipa*

*Mo-lo-yeu*

*Mo-lo-yu*

Istilah Melayu yang merujuk kepada bangsa dan bahasa bermula dengan kewujudan kerajaan Melaka .Pada mulanya istilah itu hanya merujuk kepada raja-raja Melayu Sumatera dan ianya semakin meluas pada **abad ke -17**



## BAHASA KEBANGSAAN A

Kolonel G.E  
Gerini

- **maleu-colon** itu diambil daripada perkataan dalam bahasa Sanskrit iaitu “**malayakolam**” atau “**malaikurram**” yang merujuk kepada tempat itu di Utara pantai Semenanjung Malaysia iaitu **Tanjung Kuantan** tetapi Sir Ronald Bradell mengatakan tempat itu merujuk kepada **Tanjung Penyabung**.

Penyelidik  
sebuah kitab  
Hindu Purba

- “Malaya dvipa”( tanah yang dikelilingi air) merujuk kepada **Pulau Sumatera** yang merupakan asal Bahasa Melayu
- Kitab itu berjudul Purana. Kitab itu ditulis sebelum zaman Gautama Buddha sehingga tahun 500M.

Pengembara  
Cina

- sekitar tahun 644-645M ada menyebut perkataan Melayu dalam catatan itu disebut sebagai **Mo-Lo-Yeu**.
- Kerajaan tersebut telah mempersembahkan hasil bumi kepada Maharaja China. Ada juga pihak yang mempercayai kerajaan Mo-lo- yeu berpusat di daerah Jambi, Sumatera dan Srivijaya yang terletak di daerah Palembang

Mohd. Dahlan  
Mansoer

- “Melayu” merujuk kepada nama sebatang sungai yang deras alirannya iaitu **Sungai Melayu** seperti yang disebut dalam Sejarah Melayu.
- Sungai itu diberi nama Melayu kerana airnya yang mengalir deras seperti berlari. Perkataan Melayu bermaksud “lari” dalam Bahasa Jawa.

Bahasa Jawa  
Kuno

- “**Mlayu**” membawa, maksud berlari atau mengembara.
- Ini menunjukkan bahawa **orang Indo-Melayu (Austronesia)** yang mengembara dari Yunan



## DEFINISI MELAYU BERDASARKAN BANGSA

### PENGERTIAN LUAS

Istilah Melayu merujuk kepada bangsa-bangsa **Austronesia** yang tinggal di **kepulauan Melayu**. Dalam konteks yang lebih luas, rumpun Austronesia juga meliputi kawasan Austronesia lain iaitu kawasan disebelah **timur** yang merangkumi keluarga **Polinesia, Malnesia** dan **Mikronesia**.

Menurut UNESCO pada tahun 1972, istilah Melayu digunakan untuk merujuk kepada suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Thailand, Filipina dan Madagascar.

Secara umumnya, pengertian Melayu merujuk kepada bangsa melayu yang menjadi penutur asli Bahasa Melayu iaitu manusia yang menduduki kawasan-kawasan berikut:

- a) Seluruh kawasan Semenanjung Malaysia, pantai barat Sabah (berdekatan Negara Brunei Darussalam) dan Sarawak (bahagian Pertama dan Kuching)
- b) Pantai timur Sumatera
- c) Sepanjang pantai Kalimantan Barat, Kalimantan Selatan, dan Kalimantan Timur
- d) Pulau-pulau lain di Kepulauan Melayu seperti Riau, Lingga, Bangka, Natuna, Belitung dan Banda
- e) Kawasan Selatan Thailand, terutamanya Pattani


- f) Kawasan selatan Filipina seperti daerah Zamboanga di pantai Selatan pulau Mindanao termasuk gugusan Pulau Sulu dan Palawan
- g) Kawasan Campa di selatan Indo-China
- h) Singapura, dan
- i) Kawasan-kawasan penghijrahan bangsa Melayu di seluruh dunia seperti Sri Lanka, Madagascar dan Afrika Selatan

### PENGERTIAN SEMPIT

Di Malaysia pengertian istilah Melayu menjadi lebih **sempit** sebagaimana yang termaktub dalam **Perlembagaan Malaysia**. Dalam Perlembagaan Malaysia di bawah perkara 153, seseorang itu ditakrifkan sebagai berbangsa Melayu apabila mereka **dapat menuturkan Bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu, dan beragama Islam**. Ini bermaksud jika seseorang itu murtad atau bertukar kewarganegaraan, maka taraf melayu yang disandangnya akan luput.



## 2.1 SALASILAH BAHASA MELAYU



Berdasarkan rajah salasilah bahasa, Bahasa Melayu berasal daripada **rumpun Austronesia** yang tergolong dalam filum Austris

Istilah **Austronesia** terhasil daripada kata **austro** (Bahasa Latin) yang bermaksud “**selatan**” dan kata **nesos** (Bahasa Yunani) yang bermaksud “**pulau**”. Ini bermakna istilah Austronesia bermaksud “**bahasa-bahasa di pulau-pulau selatan**”




**Rumpun Austronesia Barat** melahirkan keluarga bahasa Nusantara atau bahasa Indonesia. Keluarga Bahasa ini dapat dibahagikan kepada Bahasa subkeluarga bahasa Indonesia Pusat dan subkeluarga Filipina –Formosa.



## RAJAH SALASILAH BAHASA

**Filum Bahasa Austrik/Austris**  
▪ Menguasai hampir separuh benua Asia.



**Istilah Austronesia :** Bahasa Latin "Austro" (selatan),  
 Bahasa Yunani "Nesos" (pulau).

- ❖ **Bahasa Austronesia :** Bahasa-bahasa di Pulau Selatan.
- ❖ **Sebelum istilah Austronesia, istilah yang di gunakan ialah Melayu-Polinesia.**


**Kelompok Indonesia Pusat :-**  
✓ Bahasa Melayu, Bahasa-bahasa Bumiputera di Sarawak, Kalimantan Dan di Kepulauan Indonesia

**Kelompok Filipina-Formosa :-**  
✓ Bahasa-bahasa Filipina, Bahasa-Bahasa Bumiputera di Sabah, Brunei, KECUALI bahasa Melayu dan Bahasa Lun Dayeh

**Keluarga Nusantara :-**  
✓ Formosa (Utara), Maluku (Timur), Pulau Timur (Selatan), Madagascar (Barat).  
✓ Bahasa Melayu Terdiri daripada Bahasa Nusantara. Ia mempunyai 200-300 bahasa.

### 2.2 BAHASA MELAYU SEBAGAI LINGUA FRANCA

Bahasa melayu memainkan peranan yang sangat besar pada zaman Kegemilangan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.



Bahasa Melayu menjadi **Bahasa Perantaraan (lingua franca)** dalam urusan pentadbiran, penyebaran ilmu, bahasa undang-undang dan bahasa persuratan di Melaka pada waktu itu.

Perkataan-perkataan yang dimasukkan dalam daftar kata tersebut diambil daripada Bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk Pulau Tidore yang terletak di sebelah utara Indonesia

Kedudukan Pulau Tidore yang begitu jauh dari tempat asal Bahasa Melayu menggambarkan betapa luasnya penyebaran Bahasa Melayu ketika itu.

Daftar kata itu disusun untuk memudahkan hubungan perdagangan antara orang barat dengan penduduk tempatan

Daftar kata kkv + kv		
banci	bambu	banjo
bantu	barli	basmi
benci	binti	bomba
bukti	bumbu	bursa
camca	canda	candi
candu	carta	cerna
cinta	cipta	cerca
citra	cumbu	damba
dakwa	denda	derma
dinda	domba	dusta

Abad ke-16

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai lingua franca di Alam Melayu dibuktikan daripada **Daftar Kata Melayu-Itali** yang disusun oleh **Antonio Pigafetta** pada tahun 1521 M


Dalam catatan **Jan Huyghen Van Linschoten** iaitu seorang Belanda yang pernah tinggal di Indonesia antara tahun **1586-1592** menyatakan bahawa Bahasa Melayu pada ketika itu bukan sahaja sangat harum namanya malah juga dianggap sebagai Bahasa yang paling dihormati berbanding bahasa negeri Timur yang lain

Orang yang tidak tahu Bahasa Melayu di Alam Melayu seperti orang yang tidak tahu Bahasa Perancis di Belanda masa itu



### 2.3 TAHAP PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Sejarawan telah membahagikan perkembangan Bahasa Melayu kepada empat tahap perkembangan



#### Bahasa Melayu Purba

Wujud pada zaman prasejarah. Bahasa ini dikatakan sedemikian kerana tidak ada sejarah bertulis pada masa itu.

Manakala menurut Asmah Haji Omar, Bahasa Melayu Purba dipercayai dituturkan oleh kelompok Melayu Deutro. Mereka menggunakan bahasa ini dalam bentuk lisan. Oleh itu bahasa Melayu Purba tidak wujud dalam bentuk tulisan.



### BAHASA MELAYU KUNO


Berkembang di Jambi dan Sriwijaya pada abad ke-7 hingga abad ke-13 menerusi pelayaran pedagang India dan China. Adanya pengaruh budaya Hindu dan kesan kemasukan bahasa Sanskrit (atas pemodenan bahasa Melayu purba) aksara mula diperkenalkan dan wujud bahasa Melayu kuno yang mempunyai tulisan pengaruh Sanskrit meluas kerana BM kurang kosa kata, bahasa Sanskrit ialah bahasa bangsawan dan mempunyai ketamadunan tinggi.



- Perkembangan Bahasa Melayu Kuno dibuktikan melalui penemuan batu-batu bersurat, catatan I-Tsing (BM kuno sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam pengajaran agama Buddha dan bahasa Sanskrit)
- perkembangan BM kuno berakhir pada abad ke-11 apabila wujud kerajaan Majapahit yang berpusat di Jawa
- BM kuno di Jambi terus kekal kerana sistemnya mudah, bersifat sederhana, mudah menerima pengaruh luar dan tidak terikat oleh perbezaan susun lapis masyarakat

#### Bukti Kewujudan Bahasa Melayu Kuno:

- Batu Bersurat Kedukan Bukit, Palembang pada 683 M
- Batu Bersurat Talang Tuwo di Palembang pada 684 M
- Batu Bersurat Kota Kapur di Pulau Bangka pada 686 M
- Batu Bersurat Karang Brahi di Meringin pada 692 M



### CIRI-CIRI BAHASA MELAYU KUNO

Sistem tulisan dan ejaan:

- i. tulisan Lontar di Sulawesi Selatan,
- ii. tulisan Batak di Sumatera Utara dan
- iii. tulisan Rencong (merupakan huruf asli bahasa

Melayu yang lebih tua daripada tulisan Jawa kuno) di Sumatera Selatan

berdasarkan batu-batu bersurat, terdapat beberapa tulisan yang digunakan:

- i. tulisan Palava (untuk penyebaran agama Hindu),
- ii. tulisan Nagiri dari utara India dan
- iii. tulisan Kawi (asalnya ditulis di atas kulit kayu dan daun lontar) yang bermaksud penyair

Contoh perkataan bahasa Melayu Kuno yang terdapat pada batu bersurat Talang Tuwo adalah seperti berikut:

Vulan	= bulan	rumvia	= rumbia
Tatkalana	= tatkalanya	dgan	= dengan
Naparvuat	= diperbuat	nimakan	= dimakan
Nitanam	= ditanam	vuahna	= buahnya
Niyur	= nyiur	tathapi	= tetapi
Hanau	= enau	haur	= aur



## BAHASA KEBANGSAAN A

Ciri-ciri dari sudut fonologi, morfologi dan makna perkataan terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara fonem yang wujud dalam Bahasa Melayu Kuno dengan fonem yang ada dalam Bahasa Melayu moden.

Perbezaan antara fonem yang wujud dalam Bahasa Melayu kuno dengan fonem yang ada dalam Bahasa Melayu moden dari segi **fonologi**

- a) Penggunaan bunyi **separuh vokal dua bibir /w/** untuk **letupan dua bibir bersuara /b/**.


Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• Wulan</li><li>• Wuah</li><li>• Wuat</li><li>• Wuluh</li><li>• Tuwa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• bulan</li><li>• Buah</li><li>• Buat</li><li>• Buluh</li><li>• Tuba</li></ul>

- (b) Bunyi **/h/** pada perkataan tertentu dalam bahasa Melayu Kuno telah hilang dalam bahasa Melayu moden. Contoh


Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• hanau</li><li>• haur</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• enau</li><li>• aur</li></ul>



(c) Penggunaan **bunyi sengauan gusi /n/** untuk **sengauan lelangit keras /ny/** dalam bahasa Melayu Moden. Contoh seperti berikut:



(d) Tedapat konsonan yang dihemuskan atau dieja dengan aspirasi seperti **bh, th,kh,dh**, sebagai akibat pengaruh bahasa Sanskrit, perhatikan contoh di bawah



(e) **Tidak ada bunyi e pepet** atau vokal tengah dalam Bahasa Melayu kuno. Bunyi ini biasanya diganti dengan vocal depan luas /a/ atau digugurkan begitu sahaja. Contohnya adalah seperti berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• Wanua</li><li>• Talaga</li><li>• Saribu</li><li>• Dngan</li><li>• Niknai</li><li>• nigalar</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Benua</b></li><li>• telaga</li><li>• Mulanya</li><li>• Buatannya</li><li>• Benuanya</li><li>• dalamnya</li></ul>

Dari segi **morfologi**, terdapat beberapa imbuhan dalam bahasa Melayu kuno yang telah mengalami perubahan .

(a) Awalan **mar-** dalam bahasa melayu kuno berubah menjadi **ber-** seperti contoh berikut

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• marlapas</li><li>• marwuat</li><li>• marsila</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• berlepas</li><li>• berbual</li><li>• bersila</li></ul>


(b) Apitan **par-...an** berubah menjadi **per-...an** seperti contoh berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• parsumpahan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• persumpahan</li></ul>




## BAHASA KEBANGSAAN A

(c) Awalan **ni-** telah berubah menjadi di-seperti berikut



(d) Awalan rangkap **nipar-** berubah menjadi **diper-** seperti contoh



(e) Kata kerja aktif ditandai awalan **ma-** dan **mang-** sebagaimana seperti contoh berikut:



## BAHASA KEBANGSAAN A

(f) Terdapat **akhiran-i** yang sama dengan bahasa Melayu moden dan lazimnya hadir bersama-sama dengan awalan seperti contoh berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• manghidupi</li><li>• niujari</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• menghidupi</li><li>• diujari</li></ul>

Terdapat **dua imbuhan** dalam bahasa Melayu kuno yang sudah tidak dipakai dalam bahasa Melayu moden, iaitu **awalan maka-dan akhiran-a** seperti berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• makasakit</li><li>• makagila</li><li>• datua</li><li>• wuata</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• menjadi sakit</li><li>• menjadi gila</li><li>• tanggungjawab menjadi datu</li><li>• perbuatan</li></ul>

Terdapat perkataan bahasa Melayu kuno yang sudah mengalami **perubahan makna** dalam bahasa Melayu moden seperti berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
<ul style="list-style-type: none"><li>• kita</li><li>• Sepuluh dua</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• kamu</li><li>• Dua belas</li></ul>



## BAHASA KEBANGSAAN A

Terdapat perkataan bahasa Melayu kuno yang **sudah tidak dipakai** dalam Melayu moden seperti berikut:

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
tuwi	dengan
dhawa	sangat, terlalu
inan	itu
saramwat	setangkai
tlu	tiga
wela	batas
parlak	kebun
marsarak	berpisah
mawuddhi	menghubungi
makalangit	menganggu fikiran
marhulun	memiliki hamba abdi



## BAHASA KEBANGSAAN A

Antara perkataan bahasa Melayu kuno yang masih digunakan sehingga kini termasuklah :

<b>tanam</b>	<b>pulang</b>	<b>laksa</b>	<b>gelar</b>	<b>bukti</b>	<b>aku</b>
tatkala	puluh	lawan	gila	bulan	aur
telaga	ratus	lepas	ini	bunuh	bala
temu	rumbia	makan	jadi	curi	bangun
tetapi	sakit	mengalap	jahat	dalam	banyak
ujar	seribu	minum	jangan	datu	barang
yang	sini	mula	kayu	dengan	batu
	suka	naik	ke	derhaka	bawa
	sukacita	nyiur	keliwat	di	benua
	sumpah	orang	kita	dosa	beri
	tambal	perkara	laki	enau	buat
	suruh	pahat	lagi	dua	buah



### BAHASA MELAYU KLASIK

Zaman Bahasa Melayu Klasik bermula selepas berlaku peralihan daripada Zaman Bahasa Melayu Praklasik. Bahasa Melayu Klasik mula digunakan pada abad ke-14 hingga abad ke-19. Ia berkembang selari dengan pengaruh agama Islam di Asia Tenggara. Bahasa Melayu Klasik berkembang pesat pada zaman Kerajaan Melayu Melaka \*1403-1511), kemudian berpindah ke Aceh dan akhirnya Johor-Riau.



Penemuan batu bersurat Kuala Berang Terengganu bertarikh 4 Rejab 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1303 merupakan bukti kukuh penggunaan Bahasa Melayu Klasik



Bersurat Batu Nisan Minye Tujuh membuktikan penggunaan Bahasa Melayu klasik


Bahasa Melayu Klasik juga dipelajari oleh orang bukan Melayu seperti orang Cina, India, Arab, Parsi dan juga orang Barat seperti Portugis, Itali, Belanda, Inggeris, Perancis dan Sepanyol untuk tujuan perniagaan, perhubungan antara negara dan raja serta pengembangan Kristian di Asia Tenggara.



Bahasa Melayu berkembang dengan pesat pada zaman Melayu Melaka kerana:

- pengaruh politik Melayu membolehkan bahasa Melayu disebarkan dengan mudah.
- bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa penyebaran agama Islam yang tinggi darjat kebudayaannya
- perkembangan tulisan jawi dan perbendaharaan kata daripada bahasa Arab yang membantu bahasa Melayu dalam bidang kesusastraan sejarah, undang-undang, falsafah Islam dan ketatanegaraan.

### CIRI-CIRI BAHASA MELAYU KLASIK



## 1. SISTEM TULISAN DAN EJAAN

هيدوف اين او مقام  
سبواه رودا يغ برقوسieux.  
ادا كالان کيت براد داتس،  
دان ادا كالان کيت براد دباوه.

Kebudayaan Islam mula bertapak di kepulauan Melayu, tulisan yang terdapat pada batu-batu bersurat yang ditemui sedikit demi sedikit mula memperlihatkan perubahan. Bukti pertama yang menunjukkan tulisan Arab mula digunakan dalam bahasa Melayu terdapat pada Batu Bersurat Terengganu (1303M). Tulisan yang digunakan untuk mengeja teks berbahasa Melayu ini dikenali sebagai tulisan Jawi.

**Tulisan Jawi** ialah sejenis sistem tulisan yang menggunakan abjad arab dan enam tambahan yang dicipta oleh orang Melayu sendiri. Sistem tulisan ini ditulis dari kanan ke kiri dan **tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil**. Bentuk hurufnya akan berubah apabila ditulis secara tunggal atau berantai/ bersambung.


Jawi: Huruf

<b>ABJAD JAWI</b>										BENTUK TUNGGAL
د	خ	ح	ج	ج	ث	ة	ت	ب	ا	اليف
dal	kha	ha	ca	jim	sa [tha]	ta marbutah	ta	ba		
ع	ظ	ط	ض	ص	ش	س	ز	ر	ذ	
ain	za	ta	dad	sad	syin	sin	zai	ra	zal	
ن	م	ل	ك	ك	ق	ف	ف	غ	غ	
nun	mim	lam	ga	kaf	qaf	pa	fa	nga	ghain	
Jumlah: 37 huruf bentuk tunggal			ڻ	ي	ي	ء	ه	و	و	
			nya	ye	ya	hamzah	ha	va	wau	

Rujukan: Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi (2005:71-72).  
<http://mohdisa-abdrizak.blogspot.com/>



## 2. TATABAHASA



### Aspek Penggunaan

Bahasa Istana

Santap, Beradu, Gering, Bersiram, Baginda Makan, Tidur, Sakit, Mandi, Beliau

Kosa Kata Klasik

Masyghul, Berahi, Ceritera, Kemaluan, Kehinaan Dukacita, Cinta, Cerita, Keras, Kencang

Imbuhan

1. Awalan mar- dan ni- dalam Bahasa Melayu Kuno bertukar menjadi awalan ber- dan di- dalam Bahasa Melayu Klasik

Contoh :

- a) -marlepas menjadi berlepas
- b) -niparwat menjadi diperbuat

2. Awalan kata kerja aktif man- dalam Bahasa Melayu Kuno menjadi men- dalam Bahasa Melayu Klasik.

Contoh :

- a) -mawawa menjadi membawa
- b) -manghidupi menjadi menghidupkan

Struktur Ayat

1. Penggunaan **ayat majmuk** – ayatnya panjang ala ayat Arab kerana menggunakan kata hubung.

2. Terdapat ayat **susunan songsang**.

3. Penggunaan **ayat pasif**

Contoh penggunaan bahasa Melayu klasik dalam karya sastera:

**“ Syahadan segala raja-raja dan adipati yang di atas peseban itu hairan melihat kelakuan Tun Tuah”**

### 3. KOSA KATA

#### Pengaruh Bahasa Arab

Allah Taala, Daulat, Wallahualam, Insan, Fardhu

#### Bahasa Istana

beradu(tidur), bersiram(mandi), gering(sakit),  
santap(makan)

#### Kosa Kata Klasik

Ceritera(cerita), masyghul(sedih), amarah(marah),  
berahi(cinta)

#### Penggunaan Kata Pangkal Ayat (perdu perkataan)

Alkisah, arakian, hatta, maka, sebermula, syahadan

#### Penggunaan kata penegas pun dan -lah

Maka Bendahara pun hairanlah kalam raja seperti  
dikhatarkan orang rupanya



### Bahasa Melayu Moden



Para sejarawan menanda permulaan zaman bahasa Melayu moden dengan kemunculan hasil karangan Abdullah Munshi yang bermula pada abad ke-19. Antara karya beliau ialah Kitab Adat Segala Raja-raja Melayu dalam Segala Negeri (1837), Hikayat Abdulah (1838), Kisah Pelayaran Abdulah ke Kelantan (1838), dan Kisah Pelayaran Abdulah ke Jeddah (1854).

### Perkembangan Bahasa Melayu Moden

#### Zaman Pramerdeka

Kedudukan bahasa Melayu cuba digugat oleh British dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dengan alasan bahasa Inggeris mempunyai nilai ekonomi dan status yang tinggi berbanding dengan bahasa Melayu.

Sebelum merdeka, Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.

Usaha mengembangkan bahasa Melayu turut dilaksanakan oleh tokoh tempatan iaitu, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Raja Ali Haji, Mejar Dato' Haji Mohd. Said, dan Zainal Abidin Ahmad berkaitan dengan persoalan bahasa, antaranya aspek ejaan, nahu Melayu, dan bidang perkamusian.

#### Zaman Pasca Merdeka

Perkembangan bahasa Melayu moden pada zaman pasca merdeka diusahakan dengan gigih untuk memartabatkannya sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu

Bahasa Melayu moden berkembang pesat setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Malaysia.

Sebagai bahasa Kebangsaan, ia memainkan peranan dalam pelbagai bidang tugas iaitu sebagai **bahasa rasmi, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum, bahasa pengantar** serta **bahasa ilmiah** di pusat-pusat pendidikan.



### Ciri-Ciri Bahasa Melayu Moden

Bahasa Melayu Moden telah mencapai status bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu dilihat sebagai mekanisma lengkap untuk mengungkapkan aspek-aspek abstrak, pernyataan perasaan dan emosi, kemurnian berkarya dan kehalusan bahasa dalam penulisan sastera.

Bahasa Melayu juga dianggap bersifat sejagat.

Bahasa Melayu mudah dilentur mengikut keadaan dan keperluan

Bahasa Melayu sebagai bahasa yang sangat mudah dipelajari adalah disebabkan oleh sistem fonologi yang amat mudah.

### Perbezaan Bahasa Melayu Klasik Dengan Bahasa Melayu Moden

#### Bahasa Melayu Klasik

- Tiada perancangan bahasa
- Banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab
- Menggunakan laras bahasa sastera lama
- Banyak menggunakan ayat pasif dan ayat songsang
- Banyak memanfaatkan bahasa dalam/ bahasa istana


#### Bahasa Melayu Moden

- Melalui proses perancangan bahasa yang pesat.
- Banyak menerima pengaruh bahasa Inggeris
- Menggunakan laras bahasa yang pelbagai.
- Banyak menggunakan ayat aktif.
- Banyak memanfaatkan kosa bahasa moden.



## PENGGUNAAN DAN DASAR BAHASA MELAYU DI MALAYSIA

### 3.1 FUNGSI DAN KEDUDUKAN BAHASA MELAYU



#### Bahasa Kebangsaan

Untuk menyerlahkan lambang inspirasi dan semangat kebangsaan dan kemerdekaan

Bahasa kebangsaan juga dapat bertindak sebagai alat perhubungan dan seterusnya akan menghasilkan satu kumpulan besar masyarakat yang mempunyai pandangan hidup yang hampir sama.

Bahasa kebangsaan juga adalah digunakan untuk perpaduan dalam kalangan warganegara kerana mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.



### Bahasa Rasmi

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu yang dikenali juga sebagai bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996).

Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain seperti bahasa Mandarin oleh orang Cina dan bahasa Tamil oleh orang India. Selain itu bahasa Inggeris masih mendominasi bahasa perdagangan dan perindustrian negara.

### Bahasa Perpaduan

Bahasa untuk menyatukan padu dan membentuk identiti bagi sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian bahasa, dan budaya latar belakang etnik

Agen pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik dan bangsa yang ada di Malaysia.

Satu bahasa yang boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat dalam negara.



### Bahasa Ilmu

Bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan untuk menyampaikan ilmu

Bahasa Melayu terus mencapai mercu tanda yang membanggakan. Banyak karya besar dalam bidang kesusastraan, ilmu teologi, metafizik dan tasawuf serta falsafah dihasilkan dalam bahasa Melayu

Bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara, khususnya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.



### 3.2 DASAR BAHASA KEBANGSAAN



#### Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia

1. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan mencatatkan bahasa Melayu yang kemudiannya disebut bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi ialah seperti berikut:

(1) "Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen."

Dengan syarat bahawa:

a. Tiada sesiapapun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan bagi apa-apa maksud lain daripada maksud rasmi atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain.

b. Tiada apa-apa juga dalam Fasal ini boleh menyentuh hak kerajaan persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam persekutuan.»




## Akta Bahasa Kebangsaan



1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dipakai di seluruh Malaysia. Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi
2. Akta ini memperuntukkan bahawa selepas 1 September 1967, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi kecuali dalam beberapa kes tertentu seperti undang-undang yang sedia ditulis dalam bahasa Inggeris, perhubungan dengan dunia luar dan sebagainya.

## Akta Pendidikan

1. Pada mulanya, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah sahaja.
2. Sejak tahun 1958, bahasa Melayu mula diperkenalkan sebagai bahasa pengantar di kelas-kelas menengah aliran Melayu yang kemudiannya menjadi sekolah menengah kebangsaan.
3. Pada tahun 1983, university-universiti tempatan pertama kali menerima pelajar tahun 1 yang telah mendapat keseluruhan pendidikan dalam bahasa pengantar bahasa Melayu.
4. Dalam Akta Pendidikan (asalnya Akta Pelajaran 1961) menegaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah



**4.1 ADAB BERBAHASA**

1. Kesempurnaan hidup seseorang insan di muka bumi ini ialah budaya budi bahasanya. Tidak dinafikan bahawa orang Melayu lah antara satu bangsa yang amat kaya dengan budi bahasanya di dunia ini. Masyarakat Antarabangsa mengenali bangsa Melayu dengan melalui ketinggian budi bahasanya.
3. Oleh itu kurangkan ego, amalkan budi bahasa dan adab yang baik dalam berinteraksi dengan orang sekeliling. Tidak rugi berbuat baik sesama manusia dengan mengamalkan nilai murni, kerana kesejahteraan hidup akan membawa keharmonian dalam menjalani kehidupan.
4. Dalam setiap budaya masyarakat sudah pasti tidak terlepas daripada amalan untuk mengamalkan tutur kata yang baik, sopan dan santun. Begitu juga dalam budaya masyarakat Melayu, amalan untuk bertutur kata santun ini sudah menjadi amalan masyarakat sejak dari dulu lagi sehingga lahirnya pantun:

***Yang kurik itu kundi, Yang merah itu saga;  
Yang baik Itu budi, Yang indah itu bahasa***



### 4.2 PENGGUNAAN BAHASA DALAM MEDIA SOSIAL

Kemunculan laman sosial seperti Facebook, Twiter, Instagram, MySpace dan banyak lagi telah membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain tanpa mengira jarak dan waktu.

Jenis-jenis penyalahgunaan Bahasa Melayu di media social



a) Bahasa Rojak

Penggunaan bahasa yang bercampur akibat pecantuman bahasa dari setiap kaum-kaum di Malaysia melahirkan bahasa Rojak.

b) Bahasa Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

SMS merupakan singkatan bagi istilah dalam bahasa Inggeris iaitu Short Messaging System atau dalam bahasa Melayunya Sistem Pesanan Ringkas. Oleh itu sebagai masyarakat Malaysia kita perlulah melakukan sesuatu supaya ketidak santunan ini dapat dibendung dan dikawal.

c) Bahasa Lucah



Bahasa lucah ini menjadi salah satu bahasa yang menyumbang kepada pencemaran terhadap bahasa Melayu. Bahkan, penggunaannya mampu membuat seseorang berasa malu untuk membaca setiap penulisan yang disiarkan sama ada di Facebook, blog dan sebagainya.

Kesimpulannya dapat dikatakan aspek kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi di laman sosial ini tidak dititikberatkan oleh netizen ketika menzahirkan rasa hati.



# LATIHAN PENGUKUHAN

1. Antara yang berikut. yang manakah menjadi kriteria untuk mentakrifkan bangsa Melayu di Malaysia?
  - i. Dilahirkan di Tanah Melayu.
  - ii. Mengamalkan adat istiadat Melayu
  - iii. Beragama Islam dan dapat bertutur dalam bahasa Melayu.
  - iv. Nenek moyangnya mestilah berasal daripada keturunan Melayu.

A i dan ii  
B. i dan iv  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv
2. Antara yang berikut, yang manakah bukan merupakan daerah penutur asli Bahasa Melayu?

A. Campa  
B. Pulau Fuji  
C. Daerah Zamboanga  
D. Sem. Malaysia
3. Langkah yang paling berkesan untuk menyeragamkan Bahasa adalah dengan:

A. Menerbitkan kamus  
B. Mengadakan kempen 'Cintai Bahasa Kita'  
C. Membentuk dan menyebarkan model Bahasa Melayu yang baku.  
D. Menubuhkan satu badan untuk mengkaji pencemaran bahasa Melayu.
4. Dalam proses pemodenan bahasa Melayu unsur penyerapan daripada bahasa asing yang paling banyak ialah:

A. Sebutan  
B. Imbuhan  
C. Kosa kata  
D. Peribahasa
5. Selepas 1969, nama bahasa Melayu ditukar kepada bahasa Malaysia. Penukaran nama tersebut memenuhi fungsi bahasa Melayu sebagai..

A. bahasa rasmi  
B. bahasa ilmu  
C. bahasa perpaduan  
D. Bahasa komunikasi

## LATIHAN PENGUKUHAN

6. Menurut Perlembagaan Persekutuan, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melibatkan
- i. kerajaan pusat
  - ii. badan-badan berkanun
  - iii. daerah-daerah tertentu
  - iv. urusan antara sektor swasta
- A. i dan ii  
B. i dan ii  
C. ii dan iv  
D. iii dan iv
7. Kegemilangan bahasa Melayu klasik terbukti dalam pernyataan-pernyataan yang berikut. Kecuali:
- A. Menjadi bahasa golongan istana atau pemerintah.
  - B. Menarik minat sarjana Barat untuk melakukan penyelidikan.
  - C. Digunakan sebagai bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu.
  - D. Mempunyai pelbagai laras Bahasa seperti bahasa Melayu moden.
8. Antara berikut yang manakah batu-batu bersurat yang membuktikan bahawa Bahasa Melayu menerima pengaruh Islam?
- i. Minye Tujuh, Aceh
  - ii. Kota Kapur, pulau Bangka
  - iii. Kedukan Bukit, Palembang
  - iv. Sungai Teresat, Kuala Berang
- A i dan ii  
B. i dan iv  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv
9. Batu-batu bersurat yang ditemukan dari kurun ketujuh hingga kurun keempat belas jelas menunjukkan bahawa...
- i. bahasa Melayu mudah menerima pembentahan kata bahasa asing.
  - ii. kemasukan pengaruh bahasa Arab telah menggesampingkan bahasa Sanskrit.
  - iii. bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa perantaraan dan bahasa pentadbiran.
  - iv. bahasa Melayu Kuno menggunakan sistem tulisan bahasa Sanskrit dan Bahasa Arab
- A i dan ii  
B. i dan iii  
C. ii dan iv  
D. iii dan iv

# LATIHAN PENGUKUHAN

10. Keluarga bahasa yang tergolong dalam kelompok Bahasa Ocenesia ialah:
- Sumatera, Kalimantan, Jawa
  - Nusantara, Polinesia, Mikronesia
  - Polinesia, Melanesia, Mikronesia
  - Austronesia, Austroasia, Cina-Tibet
11. Bangsa Melayu dipercayai berasal daripada golongan .....
12. Apakah ciri-ciri ayat Bahasa Melayu Klasik?
13. Di manakah kedudukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Malaysia?
14. Apakah bukti-bukti sejarah yang dapat dikaitkan dengan asal-usul bahasa Melayu?
15. Apakah usaha yang dilakukan bagi melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan Bahasa rasmi?
16. Bilakah Bahasa Melayu Moden mula berkembang?
17. Dialek rasmi.....dijadikan sebagai sebahasa Melayu di di Malaysia.
18. Terjemahkan perkataan bahasa Melayu Kuno berikut ke dalam bahasa Melayu Moden.

Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden	Bahasa Melayu Kuno	Bahasa Melayu Moden
nitanam		marlapas	
Niparwuat		marwuat	
niminumna		nisuruh	
wuatana		saribu	
winina		dngan	
dalamna		niknai	
bhakti		wuah	
tathapi		wuat	
nimakan		wuluh	

## RUJUKAN

1. Kamarudin Hj. Husin (1999) Husin. Bahasa Kebangsaan (A):(untuk warganegara Malaysia). Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman
2. [http://yaaranuar.blogspot.com/2017/01/fungsi bahasa Melayu](http://yaaranuar.blogspot.com/2017/01/fungsi-bahasa-Melayu.html)  
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30118?language=my>
- 3.[https://www.researchgate.net/publication/269223543\\_PERPADUAN\\_ETNIK\\_MEN\\_ERUSI\\_PENGGUNAAN\\_BAHASA\\_MELAYU](https://www.researchgate.net/publication/269223543_PERPADUAN_ETNIK_MEN_ERUSI_PENGGUNAAN_BAHASA_MELAYU)
4. <http://cikgu-rozali.blogspot.com/2012/05/bahasa-melayu-bahasa-perpaduan-nasira.html>
- 5.[http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/negara/028-KK\\_NOOR\\_AZMIRA\\_ETAL.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/negara/028-KK_NOOR_AZMIRA_ETAL.pdf)
- 6.[https://www.researchgate.net/publication/321904798\\_UPAYA\\_BAHASA\\_MELAYU\\_SEBAGAI\\_SARANA\\_ILMU](https://www.researchgate.net/publication/321904798_UPAYA_BAHASA_MELAYU_SEBAGAI_SARANA_ILMU)
7. <https://www.facebook.com/notes/cerito-nogori-9-ori/berbudi-dan-berbahasa-dalam-adat-melayu-jangan-dilupakan/374165439303867/>
8. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/03/545062/adab-budi-bahasa-harmoni-kehidupan-elak-kebencian>
9. [plikasikomputerbm.blogspot.com/2018/05/penggunaan-bahasa-melayu-di-media-sosial.html](https://plikasikomputerbm.blogspot.com/2018/05/penggunaan-bahasa-melayu-di-media-sosial.html)
- 10.<http://statics.scnu.edu.cn/pics/southeastasia/2020/0623/159289907713708.pdf>

**Terbitan**



e ISBN 978-967-2240-37-2

9 7 8 9 6 7 2 2 4 0 3 7 2